

Wan Mokhtar dijangka terus terajui Terengganu

32

17 NOV 1999

Oleh AMIR SARIFUDIN
[WARTAWAN UTUSAN]

KEDUDUKAN Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad pada pilihan raya kali ini sudah pasti menjadi tanda tanya ramai pihak iaitu bukan sahaja rakyat, malah parti UMNO sendiri dan pembangkang.

Pertanyaan timbul kerana Wan Mokhtar dianggap Menteri Besar yang paling lama mentadbirkan sesebuah negeri. Pada awal September lalu, genaplah 25 tahun beliau menjadi Menteri Besar Terengganu.

Menjelang pilihan raya umum, banyak persoalan timbul. Apakah Wan Mokhtar akan terus bertanding? Mungkinkah beliau bertanding di kawasan Parlimen? Dan banyak lagi persoalan lain yang berkaitan dengan Wan Mokhtar ini. Tambahan pula, Wan Mokhtar baru sahaja menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung dengan senarai calon UMNO dan BN bagi Negeri Terengganu.

Sebelum ini, pada tahun 1995 Wan Mokhtar pernah menyatakan kesediaannya untuk mengundurkan diri.

Namun ketika itu, beliau terpaksa akur dengan kehendak kepimpinan tertinggi parti yang mahukan beliau terus memberikan khidmat sebagai wakil rakyat. Kini, apabila pertanyaan mengenai kedudukan beliau itu diajukan, Wan Mokhtar seperti biasa menjawab bahawa ia terpulang kepada kehendak kepimpinan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh Dr. Mahathir. Bagaimanapun, penganalisis politik berpendapat, Wan Mokhtar sekali lagi akan terus berada dalam arena politik ekoran isu-isu agama yang dibawa oleh pembangkang. Kemungkinan itu dilihat memandangkan beliau mempunyai fahaman dan latar belakang pendidikan agama yang mampu menangkis tohmahan parti-parti lawan.

Isu-isu agama seperti mengenai peranan ulama, sembahyang dua imam dalam satu kariah, kafir-mengkafir, fitnah dan sebagainya, merupakan perkara yang perlu diberi penerangan serta penjelasan terperinci kepada rakyat.

Kedudukan

Tambahan pula, suasana politik di Terengganu agak berbeza dengan negeri-negeri di Pantai Barat.

Lebih 90 peratus penduduk di Terengganu adalah berbangsa Melayu dan mereka ini terdedah dengan banyak perkara yang dibawa oleh pembangkang terutama isu berkaitan dengan agama Islam. Dengan kata lain, pendekatan tertentu perlu digunakan untuk menangkis segala tohmahan dan sekali gus mengembalikan keyakinan kepada rakyat jelata.

Dalam hal ini, Wan Mokhtar dianggap tokoh yang sesuai untuk tujuan berkenaan. Jika faktor ini diterima, maka tidak mustahil Wan Mokhtar sekali lagi akan *memimpin* UMNO dan BN Negeri Terengganu pada pilihan raya umum kali ini.

Selain itu, kehadiran beliau juga bagi memastikan BN negeri tidak berpecah. Jika berlaku perpecahan, alamatnya ialah pembangkang akan menguasai Terengganu atau setidaknya BN Terengganu tidak dapat menguasai majoriti kerusi dua pertiga. Dengan kata lain, kepimpinan Wan Mokhtar itu diperlukan bagi memastikan UMNO terus berkuasa di Terengganu. Tambahan pula, keadaan sekarang dengan isu-isu politik semasa, isu perpaduan dan ekonomi, tidak membenarkan Wan Mokhtar mengundurkan diri.

Penganalisis juga berpendapat kehadiran Wan Mokhtar kekal akan menseimbangkan peranan calon-calon daripada golongan muda dan tua. Bagaimanapun, kehadiran Wan Mokhtar meneruskan cabaran dalam arena politik ini tidak semestinya bermakna beliau akan bertanding di Dewan Undangan Negeri kawasan Cukai. Sebaliknya penganalisis politik berpendapat, beliau juga boleh diletakkan sebagai calon di kawasan Parlimen Kemaman. Apa yang penting di sini ialah di mana pun kawasan beliau akan bertanding, yang pasti khidmatnya dalam UMNO dan BN masih diperlukan.

Soal sama ada Wan Mokhtar akan menjadi Menteri Besar selepas pilihan raya umum nanti tidak timbul kerana yang penting ialah memastikan UMNO dan BN mendapat majoriti kerusi dua pertiga. Ketiadaan Wan Mokhtar mungkin menyebabkan keadaan menjadi 'kelam-kabut', tambahan pula dalam usaha UMNO memberi penerangan kepada rakyat berhubung isu-isu agama Islam.

Bagi mengelakkan keadaan yang tidak menentu, pucuk pimpinan parti dijangka 'memberi laluan' sekali lagi kepada Wan Mokhtar meneruskan khidmatnya untuk bertanding dalam pilihan raya kali ini. Bagaimanapun, semua keputusan mengenai kedudukan Wan Mokhtar itu hanya akan diputuskan oleh Perdana Menteri.